

# Diseret peragut

■ Guru vokal cedera  
cuba selamat beg sandang

LUKA di badan Mei Ying selepas diragut dua lelaki bermotosikal.

MEI YING terpaksa melepaskan begnya kerana tidak dapat menahan kesakitan.

Oleh Norul Awatif Romli  
nmetroshahalam@gmail.com

**S**eorang guru vokal cedera selepas terseret beberapa meter ketika bergelut untuk menarik beg sandangnya yang cuba diragut dua lelaki bermotosikal di Taman Eng Ann, di sini, tengah hari Jel

rana mahu menyelamatkan beg sandangnya.

Beliau berkata, ketika kejadian, dia berjalan menuju ke keretanya yang diletakkan di seberang jalan berhadapan kedai sebelum didatangi dua lelaki menunggang motosikal yang tiba-tiba merampas beg sandang yang digalas.

"Termentak

Metro 10/1/12 MS 18

FOTO: INTAN NUR ELLINA ZAKARIA

pantas dan saya tidak sempat melihat wajah lelaki terbabit kerana mereka memakai topi keledar berpenutup penuh.

"Saya hampir pengsan kerana kesakitan dialami. Tapi bernasib baik kerana ada beberapa orang awam yang kebetulan menyaksikan kejadian datang membantu saya," katanya.



sini, tengah hari kelmarin.

Akibat kejadian itu, mangsa kerugian RM4,000 dan kehilangan telefon bimbit, lesen memandu, kad pengenalan, kunci pejabat serta kad mesin pengeluaran tunai (ATM).

Dalam kejadian jam 1.30 tengah hari itu, mangsa, Ivy Lai Mei Ying, 32, cedera di beberapa bahagian badan dan pinggang selain luka pada lengan dan lutut kiri selepas diseret beberapa meter ke-

**FAKTA**  
Mangsa kerugian  
RM4,000 dan  
kehilangan telefon  
bimbit

Tersentak dengan kejadian itu, dia nekad merampas balik beg sandangnya sebelum terseret kerana peragut cuba melarikan diri, namun dia terpaksa melepaskan beg sandangnya itu kerana tidak dapat menahan kesakitan dialami.

“Saya tidak perasan kehadiran lelaki itu kerana mereka datang dari belakang. Kejadian berlaku terlalu

ya,” katanya.


Mei Ying berkata, sejurus kejadian, dia meminta bantuan penduduk bagi menghubungi suaminya yang ketika itu bekerja menguruskan bengkel aksesori kereta di Klang bagi mendapatkan rawatan di klinik di Klang.

Katanya, selepas mendapatkan rawatan, dia kemudian membuat laporan polis di Balai Polis Sungai Kapar.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Klang Utara Asisten Komisioner Mohamad Shukor Sulong berkata, pihaknya sudah menerima lapo-

ran berhubung kejadian itu dan kenyataan mangsa sudah diambil.

Katanya, siasatan lanjut dilakukan, namun polis meminta jasa baik orang ramai agar memahami tugas dan keadaan polis yang perlu meneliti sebarang fakta kes dilaporkan kepada pihak mereka sebelum sebarang tindakan boleh diambil.



**KECEDERAAN**  
pada lutut Mei Ying

“Setakat ini, kami baru menerima satu laporan mengenai kejadian ragut di kawasan itu dan siasatan lanjut mengenainya dilakukan.

“Pasukan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) juga ditempatkan di sana bagi melakukan rondaan selama 24 jam dalam usaha polis membendung jenayah jalanan di sekitar Klang,” katanya.